

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**

**TARIKH : 15 JULAI 2019**

**SOALAN NO.**

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan Ketua Polis Negara telah mengarahkan tindakan akan diambil kepada tauke-tauke judi serta premis-premis judi yang berleluasa di seluruh negara. Ada diantaranya beroperasi berhampiran balai polis. Apakah tempoh masa yang akan diambil sepertimana Ketua Polis Kuala Lumpur juga berjanji untuk menyelesaikannya dengan segera?

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri melalui Polis Diraja Malaysia mengambil perhatian yang serius terhadap isu perjudian haram yang berleluasa di negara ini termasuklah premis-premis perjudian yang beroperasi berhampiran dengan balai polis.

Sehubungan dengan itu, Ketua Polis Negara telah mengarahkan semua Ketua Polis Daerah (KPD), Ketua Polis Balai (KPB) dan Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Daerah (KBSJD) mewujudkan Zon Sifar Kegiatan Maksiat / Pelacuran, Premis Perjudian Haram Dan Gengsterisme 200 Meter Dari Balai Polis/Tempat Ibadat Dan Sekolah.

Semua KPD, KPB dan KBSJD dikehendaki mengenalpasti premis-premis hiburan dalam lingkungan 200 meter dari lokasi balai polis, tempat ibadat dan sekolah dan memastikan premis-premis tersebut diperiksa secara berterusan untuk memastikan bahawa tidak wujud unsur-unsur maksiat, perjudian dan gengsterisme di premis-premis berkenaan.

Sekiranya ada, KPD, KPB dan KBSJD berkenaan dipertanggungjawab untuk mengambil tindakan yang sewajarnya untuk membanteras unsur-unsur maksiat, perjudian dan gengsterisme di premis-premis berkenaan. Antara tindakan yang boleh diambil adalah menggunakan undang-undang pencegahan terhadap penganjur dan bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi pembatalan lesen perniagaan, penyitaan premis dan pemotongan bekalan elektrik dan air.

Untuk makluman ahli-ahli yang berhormat, tiada tempoh masa yang spesifik ditetapkan bagi menyelesaikan isu ini. Walau bagaimanapun, pihak PDRM berjanji akan menyelesaikannya dengan segera.